

Kerajaan teliti masalah sistem pendidikan

BH 17 APR 2001

KUALA LUMPUR, Isnin – Sistem pendidikan negara mempunyai kelemahan termasuk tumpuan disiplin sehingga gagal mencapai kejayaan ditetapkan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Serentak itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan meneliti dan memperbaiki kelemahan berkenaan berikutan ramai yang tidak faham mengenai agenda serta matlamat sistem pendidikan.

“Kita dapati sistem pendidikan mempunyai masalah yang perlu diperbetulkan,” katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di PWTC, hari ini.

Beliau yang juga Presiden Umno berkata, mesyuarat MT hari ini mendengar taklimat mengenai sistem pendidikan serta pencapaiannya dan menyerahkan kepada kerajaan untuk menelitinya.

Dr Mahathir berkata, antara kelemahan itu ialah pencapaian sekolah kebangsaan kurang berkesan berbanding Sekolah Jenis Kebangsaan Cina.

“Ada masalah tertentu yang menyebabkan tumpuan terhadap disiplin murid tidak mendapat keutamaan di sekolah kebangsaan tetapi ini dianggap penting oleh ibu bapa murid Cina,” katanya.

Perdana Menteri berkata, ada yang berpendapat sistem pendidikan negara bertujuan mengasingkan kaum kerana sekolah kebangsaan memberi tumpuan terhadap soal aga-

ma, sehingga menyebabkan orang bukan Islam tidak pergi ke sekolah kebangsaan.

“Sedangkan kita mencipta sekolah kebangsaan dengan niat orang bukan Melayu dan bukan Islam juga pergi ke sekolah kebangsaan.

Ditanya apa kerajaan bercadang menghapuskan kadar faedah 4.0 peratus bagi bayaran pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, beliau berkata, perkara itu tidak dibincangkan.

Mengenai apakah kerajaan bercadang meninda Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Dr Mahathir berkata, setakat ini kerajaan tidak melihat akta itu perlu dipinda.

“Apabila orang faham mengenai demokrasi bukan menukar kerajaan melalui keganasan, saya fikir pada peringkat itu boleh kaji ISA.

“Bagaimanapun kini ada berpendapat jika mereka gagal menukar kerajaan melalui pilihan raya, mereka perlu cuba cara lain untuk menjatuhkan kerajaan dan ia bukanlah langkah demokratik,” katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia adalah negara demokrasi dan pandangan kumpulan minoriti terhadap sesuatu isu tidak boleh diambil sebagai pandangan rakyat negara ini.

Sehubungan itu, katanya, ramai menyokong penahanan aktivis reformasi mengikut ISA kerana berjaya mengelak rusuhan seperti di negara lain, Sabtu lalu.